



## SIARAN MEDIA

### INSKEN BANTU USAHAWAN TINGKATKAN PENDAPATAN

---

**PUTRAJAYA, 11 Januari 2020** – Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) melalui agensi di bawahnya iaitu Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) telah menjalankan program-program peningkatan skala perniagaan iaitu Program INSKEN *Business Coaching* (IBC) dan *Business Enhancement Programme* (BEP). Program IBC dan BEP merupakan program yang menawarkan bimbingan sejak tahun 2017 selama empat (4) bulan yang dijalankan dengan kerjasama pemain industri dan BisKaunselor INSKEN yang dilantik berdasarkan pengalaman dan kepakaran mereka dalam bidang/industri masing-masing.

Pada tahun 2019, 62% peserta IBC dan 51% peserta BEP telah berjaya meningkatkan jualan dan pendapatan mereka sekurang-kurangnya sebanyak 20% selepas menyertai program tersebut. Peserta-peserta juga telah berjaya mewujudkan sebanyak 176 peluang pekerjaan baharu selepas melalui program IBC dan BEP.

#### **PROGRAM BIMBINGAN PERNIAGAAN 2020 (usahawan sedia ada):**

Untuk tahun 2020, sebanyak 32 program IBC dan BEP bakal dijalankan diseluruh negara, menyasarkan 980 orang usahawan sedia ada yang ingin membawa perniagaan mereka ke peringkat yang lebih tinggi. Ianya merangkumi industri-industri seperti Spa, Penjagaan Selepas Bersalin, Rumah Inap, Bakeri, Dobi, Cucian Kereta, Jahitan, Perancang Perkahwinan, Kafe & Restoran, Jualan Pasaraya, *Food Truck*, Bengkel Kereta dan pelbagai industri-industri lain.

INSKEN menitikberatkan program berbentuk "outcome-based" di mana setiap program yang dijalankan mempunyai rantai keberhasilan yang dipantau secara bulanan (pendapatan dan bilangan pekerja) melalui aplikasi INSKEN IPRO. Program INSKEN juga mencatatkan pulangan pendapatan terkumpul peserta minima 2.5 kali ganda daripada jumlah yang dibelanjakan untuk penganjuran program.

#### **PROGRAM LATIHAN BERDASARKAN INDUSTRI 2020 (bakal usahawan):**

Selain itu, INSKEN juga telah memperkenalkan program baharu yang menyasarkan golongan bakal usahawan melalui siri INSKEN *Industry-Based Training* atau INBT. Sebanyak 24 program telah dirancang dan bakal usahawan akan diberi peluang untuk mempelajari bagaimana untuk memulakan perniagaan. Dalam tempoh tiga (3) hari program, peserta bakal didedahkan dengan pengalaman menjalankan perniagaan dalam bidang/industri yang diminati seperti *Food Truck*, Cucian Kereta, Bakeri, Taska, Katering, Agensi Pelancongan, Salon Kecantikan/Rambut, Pusat Jagaan Harian untuk Golongan Istimewa (*Special Care Centre*), termasuk bidang professional seperti Farmasi, Firma Guaman, Firma Audit dan Kewangan serta Setiausaha Syarikat. Seramai 720 orang bakal usahawan dijangka mendapat manfaat dari program ini.

#### **PROGRAM JELAJAH SELURUH NEGARA 2020 (terbuka):**

INSKEN juga merancang siri jelajah ke seluruh Malaysia bermula 23 Januari di Shah Alam, Selangor dan tujuh (7) lagi lokasi termasuk Sabah dan Sarawak. Program INSKEN Business Outreach (IBO) merupakan seminar 1 hari yang membawakan topik berkaitan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) iaitu pengurusan dan penjaan pendapatan melalui database pelanggan ataupun Big Data. INSKEN menyasarkan untuk melatih 3,500 orang melalui siri jelajah ini.

#### **PROGRAM LATIHAN KEUSAHAWANAN (terbuka):**

Sebagai sebuah agensi yang bertanggungjawab untuk menjalankan latihan keusahawanan, INSKEN telah diberi mandat untuk menjalankan program latihan khusus dalam bidang jualan, pemasaran dan kepimpinan perniagaan. INSKEN telah merancang untuk menjalankan sebanyak 184 program latihan untuk 7,700 orang usahawan di seluruh negara dan terbuka kepada semua kategori usahawan. Program adalah berbentuk bengkel 2 hari yang melatih usahawan dalam topik-topik keusahawanan mengikut trend, permintaan dan keperluan masa kini.

Secara keseluruhannya, INSKEN merancang untuk menjalankan sebanyak 300 program latihan keusahawanan dan bakal melatih seramai 13,880 orang usahawan sepanjang tahun 2020. Untuk mendapatkan maklumat berkenaan program dan inisiatif keusahawanan yang ditawarkan oleh INSKEN, usahawan dan bakal usahawan yang berminat bolehlah melayari laman web rasmi INSKEN di [www.insken.gov.my](http://www.insken.gov.my).

**Kementerian Pembangunan Usahawan (MED)**  
**11 Januari 2020**